



**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BIL TAWARAN: (13) NDMC/TSH/2025-2026

**PEMBELIAN BARANG-BARANG PEJABAT PUSAT PENGURUSAN BENCANA
KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI.**

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong / syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jalan Landasan Lama Berakas Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** bermula **pada 16 Disember 2025** semasa waktu yang ditetapkan iaitu:

WAKTU MENGAMBIL BORANG

ISNIN HINGGA KHAMIS	9.00 Pagi hingga 12.00 Tengahhari dan 1.30 Petang 3.30 Petang
SABTU	9.00 Pagi hingga 12.00 Tengahhari dan 1.30 Petang 3.30 Petang

Pemborong / Syarikat hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti kesemua skop kerja di dalam Borang Dokumen Tawaran serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGGAP** dan **TERATUR**. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.

3. TAWARAN TENDER / SEBUTHARGA tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke **Peti Tawaran Sebutharga, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jalan Landasan Lama Berakas Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dan dikembalikan tidak lewat pada hari **Rabu 31 Disember 2025 jam 2 Petang**.
4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. TAWARAN TENDER / SEBUTHARGA hendaklah dihantar ke alamat tersebut di dalam sampul surat yang tertutup (sealed) yang bertulis bilangan dan tajuk tawaran berkenaan dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti syarikat kepada Pengerusi, Jawatankuasa Sebutharga, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jalan Landasan Lama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
6. Pemborong / Syarikat mestilah menyertakan Salinan-salinan **Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan Bab 16/ 17/ Business Name Extract** yang masih sah dalam bidang

berkaitan, Resit Yuran Dokumen, Senarai Pemilik Syarikat, Kad Pengenalan pemilik syarikat bagi Warganegara Brunei dan/ atau passport Warganegara Asing, Pengetahuan/ Pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.

7. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang dengan menggunakan borang sebutharga yang telah disediakan oleh Pusat ini jika tidak permohonan ini akan ditolak.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran. Pembekal yang dilantik adalah terdiri daripada lebih daripada satu Syarikat.